

09/04/1997

## Inkubator bantu usahawan kreatif

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyarankan syarikat tempatan yang terbabit dalam teknologi maklumat (IT) mengambil iktibar daripada beberapa syarikat IT utama dunia.

Menurutnya, kejayaan dan kejatuhan syarikat IT itu seperti Apple Computers dan Microsoft Corporations mampu membekalkan panduan terbaik kepada syarikat tempatan untuk berjaya.

Katanya, kedua-dua syarikat itu bermula dengan melakukan penyelidikan di garaj kereta yang kemudiannya dikembangkan kepada sebuah syarikat besar dan seterusnya menguasai dunia.

Beliau berkata, "Malaysia yang mempunyai sebuah pusat inkubator mampu bertindak lebih cemerlang melalui kejayaan dua syarikat itu.

"Pusat ini harus bertindak sebagai sebuah pusat `penetasan' yang mampu membimbing syarikat tempatan ke arah kejayaan sehingga berada pada tahap komersil," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis perasmian pusat inkubator Teknologi UPM-MTDC fasa Pertama yang membabitkan pelaburan RM3 juta, di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, minggu lalu.

Pusat inkubator itu adalah yang pertama di Malaysia bertujuan memajukan syarikat multimedia dan bioteknologi yang baru ditubuhkan sehingga syarikat berkenaan berjaya.

Sehingga kini tujuh syarikat baru berteknologi tinggi menduduki fasa pertama itu, terbabit dalam bidang multimedia dan bioteknologi. Setelah tiga tahun, syarikat itu kemudiannya akan dipindahkan ke Taman Teknologi Malaysia (TPM) dan ruang kosong itu akan diambil syarikat lain.

Pusat itu menawarkan persekitaran operasi terbaik dengan prasarana akses ke sistem rangkaian optik gentian melalui stesen satelit bumi Time-Telekom.

Dr Mahathir berkata, pusat itu mampu bertindak sebagai pemangkin kepada usahawan muda yang menghadapi masalah modal tetapi mempunyai banyak idea.

"Di pusat ini, usahawan itu mampu mengetengahkan keupayaan mereka tanpa memikirkan masalah modal memandangkan banyak bantuan terutama prasarana komunikasi berteknologi tinggi," katanya.

Bagaimanapun, beliau juga menasihatkan pengusaha di situ, bahawa bukan semua syarikat IT utama dunia menikmati kejayaan berterusan, malah turut mengalami masalah.

"Kita lihat pada Deep Blue (kerangka utama) IBM. Disebabkan kurang peka kepada perkembangan persekitaran, IBM akhirnya terpaksa mengalah kepada perkembangan pesat yang berlaku terhadap notebook dan desktop.

"Sehubungan itu, kita hendaklah sentiasa peka dengan perkembangan persekitaran untuk memastikan kita tidak gagal," katanya.

(END)